

Takut derhaka kepada ibu

Anak derita perang mulut dan berselisih faham dengan emak

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
retca@ahnet.com.my

? Saya berumur pertengahan 20-an dan masih tinggal bersama keluarga. Saya sentiasa mempunyai masalah dengan ibu kerana kami tiada persefahaman dalam apa jua masalah.

Kadang kala saya cemburu melihat ibu kawan-kawan lain yang memahami anak-anaknya. Mereka seperti kawan, tetapi berbeza dengan saya.

Ibu hatinya keras seperti saya. Masing-masing bila bercakap lama kelamaan akan jadi gaduh. Saya sebagai anak berfikir sampai bila hendak terus bergaduh mulut dengan ibu sendiri.

Terbaru, saya mempunyai masalah dengan ibu hinggalah saya melepaskan kemarahan pada adik. Ini menyebabkan ibu memarahi saya sedangkan apa yang dia buat itu bukanlah seratus peratus betul.

Saya terasa hati dengan tindakan ibu yang kadang kala bertindak untuk kepentingan diri sendiri. Akhirnya, saya mengambil keputusan tidak mahu bercakap dengan ibu. Kami tidak bertegur sapa dan hubungan menjadi semakin dingin.

Saya jadi buntu. Apakah yang perlu saya lakukan agar dapat lari dari mempunyai masalah dengan ibu. Saya sedar seorang ibu sangat mulia dan tidak mahu menjadi anak derhaka.

Namun, hati saya semakin hari semakin jauh dengan sikap ibu yang seperti sengaja tidak mahu memahami anaknya.

Saya sedar darjat seorang anak bukanlah setinggi darjat seorang ibu, tapi hati anak tiada siapa yang hendak memahaminya.

Adakah saya perlu tinggal berasingan dengan keluarga untuk mengelakkan konflik ini daripada terus berlanjutan?

ANAK DERITA,
Pahang

! Terlebih dulu Dr ucapkan terima kasih kerana sudi berkongsi masalah. Sesungguhnya perkongsian masalah adalah satu arah mencari penyelesaian. Ia juga kaedah menghuraikan konflik yang bersarang dalam jiwa.

Dr ucapkan terima kasih kepada adik kerana berusaha kuat untuk menjaga hubungan dengan ibu. Walaupun banyak gelora dan onak, namun adik tetap berusaha. Dr berharap adik tidak berputus asa dalam perjuangan ini.

Hubungan ibu dan anak adalah hubungan tali persaudaraan yang memang banyak menuntut kesabaran tinggi. Bukan itu saja, banyak elemen psikologi dan emosi berlaku antara kedua-duanya.

Sama ada elemen positif atau negatif, ia bergantung bagaimana hubungan itu dicorak dan dijalinan.

Adik tinggal serumah dengan ibu. Apabila ini berlaku, tentu banyak berlaku hubungan yang bukan saja dapat menambatkan mesra jalinan ibu dengan anak.

Tetapi, jika tidak dijaga dengan baik, ia boleh membawa kepada satu perhubungan yang bukan saja merosakkan, tetapi boleh membunuh perasaan kasih dan sayang antara kedua-duanya.

Jika ini dilihat semakin merebak, seeloknya pencegahan dan rawatan dilakukan. Justeru, tindakan adik berkongsi masalah dengan Dr adalah satu langkah ke arah merawat.

Dr berpendapat, walaupun adik sering kali mempunyai masalah dengan ibu kerana kedua-duanya tiada persefahaman dalam apa jua masalah, adik masih tinggal serumah dengan ibu.

Ini membuktikan masih ada ruang untuk adik dan ibu memperbaiki hubungan kerana interaksi masih lagi berlaku.

Adik menyatakan cemburu melihat ibu kawan-kawan yang sangat memahami anak-anaknya, tetapi berbeza dengan keadaan adik ke-

rana adik dan ibu sama-sama keras hati.

Jelasnya, terdapat persamaan personaliti antara ibu dengan adik.

Merasa jauh hati dengan seseorang yang disayangi adalah satu perasaan normal. Apabila kita menyayangi seseorang, sering kali hati mudah tersentuh dan perasaan jauh hati juga berlaku.

Namun, jangan biarkan ia kerap berlaku kerana boleh juga memutuskan hubungan jika terlalu banyak menyimpan perasaan itu.

Melepaskan kemarahan pada adik akibat masalah perhubungan dengan ibu adalah satu projeksi. Sememangnya bukan satu perkara yang baik untuk dilakukan.

Adik boleh lepaskan perasaan marah melalui kaedah yang lebih baik seperti merakamkan perasaan marah itu dalam bentuk puisi atau sajak. Melukis juga satu kaedah luahan perasaan.

Dalam konteks permasalahan hubungan adik dengan ibu yang kedua-duanya dilihat mempunyai personaliti sifatnya tidak mahu mengalah, Dr lihat sebagai anak, ada baiknya adik bersifat berlembut pada ketika ketikanya.

Berlembut bukan berarti adik kalah. Sebaliknya ia dapat memberi ruang kepada adik untuk bermuhasabah diri. Ia juga peluang terbaik untuk perhubungan adik dan ibu untuk berkembang ke arah yang positif.

Sering kali naluri seorang ibu akan terpaat dengan kelembutan hati anaknya walaupun tidak diluahkan.

Berbincang dengan ibu secara lembut.

Setiap kali jika perbualan ibu mula merasa ketegangan, adik ingatkan diri bahawa sikap ibu yang keras tidak dapat dilembutkan dengan sikap yang keras. Sebaliknya ia memerlukan kelembutan untuk menawan hati orang yang keras.

Tinggal berasingan bukan penyelesaian masalah. Isu utama ialah perhubungan adik dengan ibu. Jika isu perhubungan itu belum diselesaikan,

tidak kira di mana adik tinggal, ia tetap menjadi masalah utama.

Islam memberikan tuntunan dalam menjalankan peranan kehidupan. Ibu bapa membesarkan anak dengan lemah lembut, kasih sayang serta diberikan pendidikan dunia dan akhirat.

Tanggungjawab anak terhadap orang tua pula ialah berbuat baik terhadap orang tua.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Tuhanmu memerintahkan supaya kamu tidak menyembah sesuatu kecuali kepada-Nya, dan terhadap kedua orang tua harus berlaku baik, pada waktu salah seorang dari mereka atau keduanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kau berkata "Cih/ah" kepada kedua-duanya, dan berkatalah kepada keduanya dengan kata-kata yang lunak, lemah lembut dan sopan. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: "Wahai

Tuhanku, kasihilah mereka berdua sebagaimana mereka mendidik aku waktu kecil" (QS 17:23-24)

Islam juga meminta anak untuk tidak derhaka kepada orang tua. Abdullah bin Amru bin Al'Ash RA, dari Rasulullah SAW bersabda: "Dosa-dosa besar ialah: Menyekutukan Allah, dan derhaka pada kedua ibu bapa dan membunuh manusia dan sumpah palsu" (HR. Bukhari)

Allah juga menyuruh anak bersyukur kepada-Nya dan kepada ibu bapa kita. "Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu bapanya..." (QS 31:14).

Musykil pilih bidang kerjaya

? Saya pelajar yang bakal mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini. Sehingga kini saya tidak pasti apakah bidang kerjaya yang boleh diikuti apabila menamatkan pengajian kelak.

Sekarang saya berada dalam aliran sastera.

Saya bimbang dengan keadaan ini dan bantulah saya untuk memilih masa depan yang lebih baik.

PERLUKAN NASIHAT,
Melaka

! Amat penting untuk mendapatkan maklumat mengenai kerjaya berdasarkan kepentingan subjek yang diambil. Tapi masalah ini boleh diatasi dengan adik boleh menemui guru bim-

bingan dan kaunseling supaya mendapat lebih bimbingan hala tuju dan perancangan masa depan.

Ujian minat kerjaya boleh dilakukan guru bimbingan dan kaunseling untuk memadamkan minat kerjaya serta kesesuaian personaliti.

Selain itu cuba dapatkan pelbagai maklumat melalui Internet

atau mengunjungi promosi bergerak yang dianjurkan pelbagai institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

